


# Tidak patut benarkan kapal nuklear AS di Malaysia

KUALA LUMPUR 22 Jun - Panel Forum Perdana Keamanan Global berpendapat, Malaysia tidak sepatutnya membenarkan lagi kapal pengangkut berkuasa nuklear milik tentera Amerika Syarikat berlabuh di pelabuhan negara ini.

Mereka berpendapat, tindakan tersebut dilihat sebagai langkah kuasa besar tersebut untuk melibatkan Malaysia dalam konflik antarabangsa.

Professor Undang-Undang University of Illinois, **Profesor Francis A Boyle** berkata, Malaysia tidak sepatutnya mengalu-alu kedatangan kapal-kapal pengangkut berkuasa nuklear tersebut yang sebenarnya mempunyai misi tertentu.



FRANCIS A. BOYLE

Ini kerana, katanya, kapal berkenaan telah terlibat dalam peperangan menakluk Iraq dan kemungkinan akan digunakan pula dalam misi Amerika Syarikat untuk menyerang Iran.

"Malaysia sepatutnya tiada kaitan dalam hal ini dan keputusan kerajaan membenarkan kapal pengangkut tersebut berlabuh di pelabuhan negara telah meletakkan Malaysia dalam konflik antarabangsa," katanya pada sidang media di sini, hari ini.



HELEN CALDICOTT

Beliau memberi reaksi tersebut apabila media mem-

bangkitkan isu kehadiran kapal pengangkut berkuasa nuklear milik tentera Amerika Syarikat di perairan negara.

Boyle berkata, Malaysia sebenarnya mempunyai pilihan untuk tidak membenarkan kapal pengangkut tersebut berlabuh di perairannya walaupun kapal terbabit melalui Selat Melaka.

"Saya anggap ia perkara serius dalam usaha Amerika Syarikat untuk melibatkan sama Malaysia dalam kempen mereka menentang Iran dan juga Iraq.

"Pada pendapat saya, Malaysia tidak sepatutnya terlibat," ujarnya.

Pandangan beliau disokong oleh Pengasas dan Presiden Institut Kajian Dasar Nuklear (NPRI), **Dr. Helen Caldicott** yang berpendapat, Malaysia tidak sepatutnya membenarkan kapal-kapal pengangkut tersebut kembali berlabuh di perairan negara ini.

"Jangan benarkan mereka kembali," tegasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Forum yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya pandangan beliau berkata, kedatangan kapal pengangkut tersebut akan menyebabkan Malaysia terpaksa membekalkan minyak kepada mereka.

"Saya ingatkan kapal berkuasa nuklear boleh belayar selama-lamanya," katanya.

Kapal pengangkut pesawat berkuasa nuklear USS Ronald Reagan yang dikategorikan sebagai salah satu kapal terbesar di dunia, sebelum ini telah berlabuh di Pelabuhan Klang.

Ia susulan kehadiran kapal pemusnah peluru berpandu USS Decatur (DDG-73) yang juga kapal pengiring pelayaran kapal pengangkut pesawat berkuasa nuklear itu..

USS Ronald Reagan diberi tanggungjawab besar bagi memastikan operasi ketenteraan Amerika Syarikat dapat dijalankan dengan lebih cekap memandangkan kemampuannya untuk menjalankan misi melibatkan tiga elemen iaitu udara, laut dan darat.

Kapal pengangkut yang dinamakan sempena Presiden Amerika Syarikat ke-40, Ronald Wilson Reagan itu turut memiliki sokongan kekuatan udara melalui pesawat seperti EA-6B Prowler, C-2A Greyhound, E-2C Hawkeye, helikopter Sh-60 Seahawk serta beberapa buah pesawat tempur F/A-18 Hornet.